



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2023

SISTEM PERINTAH DAN KAWALAN INSIDEN

1. TUJUAN

- 1.1 Mewujudkan satu organisasi pengurusan Insiden yang berkesan dalam menentukan aktiviti dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh individu-individu yang beroperasi dalam sistem perintah dan kawalan insiden atau *Incident Command System (ICS)*;
- 1.2 Memastikan kewujudan sistem '*command*' yang kukuh, secara langsung dan dapat dilihat dengan nyata dan jelas, diwujudkan seawal bermulanya operasi di tempat kejadian;

- 1.3 Menetapkan tanggungjawab '*command*' kepada pegawai tertentu melalui sistem yang seragam, bergantung kepada urutan ketibaan anggota, pasukan, dan pegawai lebih kanan;
- 1.4 Menyediakan satu sistem yang teratur berkaitan pemindahan perintah dan kawalan (*transfer of command*) bergantung kepada dinamik pengembangan, penguncupan dan penamatan insiden; dan
- 1.5 Menyediakan sistem untuk memproses maklumat bagi menyokong pengurusan insiden iaitu merangkumi perancangan, proses membuat keputusan, penganalisan dan pelaporan.

2. **LATAR BELAKANG**

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mula mengimplementasi konsep pengurusan insiden berdasarkan ICS yang diamalkan di negara-negara maju bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan pengurusan insiden sejak tahun 2000. Sistem ini juga diguna pakai bagi tadbir urus mana-mana insiden dengan pengembelian sumber-sumber, koordinasi inter-agensi, sistem komunikasi bersepadu untuk keberkesanan pengurusan insiden secara holistik.

3. **PUNCA KUASA**

Punca kuasa mengamalkan ICS oleh JBPM adalah selaras dengan kuasa perundangan yang diperuntukkan untuk melaksanakan tugas

dan peranannya di negara ini. Punca kuasa tersebut diringkaskan seperti berikut:-

3.1 Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9

3.1.1 Senarai I - Senarai Persekutuan, Perkara 26. "Tertakluk kepada butiran 9A Senarai Bersama, pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba".

3.1.2 Senarai III - Senarai Bersama, Perkara 9A. "Langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan".

3.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);

3.3 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKKBS) 1984 dan Sarawak Building Ordinance 1994;

3.4 Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20, Dasar dan Mekanisma Pengurusan Bencana Negara

3.4.1 JBPM adalah sebagai Timbalan Komander Operasi Bencana dan Agensi Penyelamat Utama;

3.4.2 JBPM sebagai Agensi Penyelamat bagi Kemalangan Kimia, Radialogi dan Nuklear;

3.4.3 JBPM menjadi Peneraju Kumpulan Kerja mencari dan menyelamatkan di tempat kejadian semasa sesuatu bencana.

3.4.4 Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) yang dilantik oleh Komander Operasi Bencana adalah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai semua operasi mencari dan menyelamatkan di tempat kejadian,

menilai dan melaporkan situasi Bencana kepada Komander Operasi Bencana.

- 3.5 Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 18, Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan;
- 3.6 Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 21, Pengurusan dan Pengendalian Situasi Ancaman Ketenteraman Awam.


4. TAFSIRAN

Sila rujuk di Buku Panduan Sistem Perintah dan Kawalan yang terkini.

5. PELAKSANAAN

5.1 Mewujudkan Perintah dan Kawalan

- 5.1.1 Organisasi ICS hendaklah diwujudkan oleh IC dari PKO pertama bermula daripada seawal menerima maklumat panggilan kecemasan.
- 5.1.2 Pada peringkat awal insiden, IC hendaklah menjalankan pelbagai fungsi peringkat *command* (*Command Staff* dan *General Staff*) mengikut dinamik dan keperluan insiden iaitu IC, *Public Information*, *Liaison*, *Safety*, *Operation*, *Logistic*, *Planning* dan *Finance/ Administration*.



Gambarajah 1 : Model Asas Struktur Organisasi ICS

5.2 Mewujudkan Pos Kawalan

5.2.1 IC hendaklah mewujudkan Pos Kawalan Bomba (PKB) di peringkat awal insiden bergantung kepada keperluan. Penempatannya hendaklah mengambil kira lokasi yang selamat dan jarak yang bersesuaian.

5.3 *Transfer of Command/* Pemindahan Perintah dan Kawalan

5.3.1 Pemindahan perintah dan kawalan perlu dilakukan untuk menambah baik kualiti organisasi ICS bagi memastikan setiap fungsi dan peranan dapat dilaksanakan secara sistematik.

5.3.2 Proses perubahan perintah dan kawalan hendaklah berasaskan kepada perubahan saiz dan kompleksiti insiden sama ada semakin membesar atau semakin stabil, oleh itu pemindahan perintah dan kawalan mengikut keupayaan IC ditentukan oleh kedudukan pangkat atau jawatan.

5.4 **Peralihan Perintah dan Kawalan (*Passing of Command*)**


Peralihan perintah dan kawalan hendaklah berlaku dalam keadaan berikut;

5.4.1 Peralihan perintah dan kawalan operasi daripada balai *Turn Out Area* kepada balai *Station Ground Area*.


5.4.2 Peralihan oleh penyelia pasukan pertama tiba kepada penyelia pasukan unit khas pangkat yang sama.

5.5 **Pengembangan dan Penguncupan Organisasi ICS**

5.5.1 Apabila insiden **berkembang** menjadi lebih besar dan kompleks, IC hendaklah membuat penilaian bagi mewujudkan peranan-peranan *Command Staff* dan *General Staff* mengikut keperluan secara dinamik bagi membantu pengurusan insiden yang berkesan. Peranan *Command Staff* boleh dilantik secara khusus berdasarkan *Safety, Liaison* dan *Public Information* manakala peranan *General Staff* pula boleh dilantik secara khusus dalam bentuk seksyen iaitu *Operation, Planning, Logistic* dan *Finance/Administration*.



Gambarajah 2: Model Pengembangan Peringkat Pertengahan Struktur Organisasi ICS



Gambarajah 3: Model Pengembangan Lengkap Struktur Organisasi ICS

5.5.2 Proses **penguncupan** sumber dan organisasi boleh dilakukan oleh IC apabila insiden semakin reda, manamana peranan *unit*, *branch* dan *division* menjadi semakin berkurangan, keperluan dan penggunaan sumber dapat diminimumkan/ demobilisasi serta objektif telah tercapai sebahagian atau sepenuhnya.

5.6 **Penamatan Insiden (Termination)**

5.6.1 IC hendaklah membuat penilaian secara menyeluruh dan memastikan keseluruhan objektif dicapai sepenuhnya sebelum mengisytiharkan penamatan operasi.

5.6.2 IC hendaklah menguruskan demobilisasi segala sumber dan fasiliti secara sistematik dan melaporkan kepada Pusat Gerakan Operasi (PGO) dan memaklumkan operasi telah tamat sepenuhnya.

5.6.3 Rekod dan laporan berkaitan insiden yang didokumentasikan akan diperhalusi dan dibedah siasat (*post-mortem*) semasa *After Action Review* (AAR).

5.6.4 Carta alir proses perintah dan kawalan insiden seperti di Lampiran 1.

6. **PERANAN DAN FUNGSI *COMMAND STAFF* DAN *GENERAL STAFF***

6.1 Pegawai yang dilantik hendaklah menjalankan fungsi dan tanggungjawab mengikut peranan masing-masing.

7. **PENGURUSAN KESELAMATAN INSIDEN (*INCIDENT SAFETY MANAGEMENT*)**

- 7.1 Semua personel di lokasi insiden hendaklah mematuhi aspek keselamatan berdasarkan arahan jabatan yang berkuatkuasa yang ditetapkan.
- 7.2 Setiap gerak kerja petugas dan mobilisasi sumber-sumber perlu dilakukan dengan berhati-hati dengan membuat pemantauan, pengawalan dan usaha meminimumkan kebarangkalian berlakunya kemalangan.
- 7.3 Penilaian risiko melibatkan proses mengenalpasti, menganalisa dan langkah kawalan risiko mengikut keutamaan.
- 7.4 Penilaian risiko perlulah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:-
 - 7.4.1 Tindakan operasi yang mempunyai risiko besar kepada keselamatan petugas hanya perlu dibenarkan sekiranya tindakan itu berpotensi untuk menyelamatkan nyawa mangsa.
 - 7.4.2 Tindakan operasi yang sudah dikenal pasti hanya untuk perlindungan harta benda, tetap dianggap mendatangkan bahaya kepada petugas, maka tindakan mengurangkan atau mengelakkan risiko perlu diambil.
 - 7.4.3 Sebarang bahaya kepada keselamatan petugas adalah sesuatu yang tidak boleh diterima, sekiranya tidak wujud potensi untuk penyelamatan nyawa dan harta benda mangsa.

- 7.4.4 Situasi berisiko yang memberi ancaman kepada keselamatan petugas, maka aktiviti hendaklah dihadkan kepada *defensive operation* sahaja.
- 7.4.5 IC juga bertanggungjawab terhadap keselamatan awam di lokasi insiden.
- 7.5 Prinsip-prinsip penilaian risiko di atas perlu dilaksanakan oleh IC terhadap semua petugas di bawah seliannya di semua peringkat ICS.

8. PENGURUSAN LOGISTIK DI TEMPAT INSIDEN

- 8.1 Pengurusan logistik hendaklah diadakan bagi menyediakan perkhidmatan dan sistem sokongan kepada semua komponen organisasi yang terlibat dalam insiden termasuk kemudahan-kemudahan, pengangkutan, bekalan-bekalan, penyelenggaraan peralatan, bahan api, makanan minum, komunikasi dan perkhidmatan perubatan.
- 8.2 Mewujudkan pusat logistik di tempat kejadian.

9. PENGURUSAN KOMUNIKASI DI TEMPAT INSIDEN

- 9.1 Kemudahan komunikasi dan pelan komunikasi secara menyeluruh merangkumi perhubungan di tempat insiden, PKB dengan PGO dan PPO hendaklah melalui *Government Integrated Radio Network (GIRN)*
- 9.2 Sekiranya komunikasi GIRN tiada atau kurang litupan, IC hendaklah bertanggungjawab mewujudkan akses litupan komunikasi alternatif.

9.3 Pelan komunikasi hendaklah **diwujudkan dan merujuk** kepada prosedur operasi seragam dan surat arahan yang berkuatkuasa.

9.4 Unit komunikasi hendaklah dibentuk jika perlu.

10. **PELAN PENGURUSAN INSIDEN: PELAN PRA-INSIDEN DAN PELAN TINDAKAN INSIDEN (PIP DAN IAP)**

10.1 Pelan Pengurusan Insiden melibatkan tiga fasa pengurusan iaitu sebelum, semasa dan selepas insiden.

10.2 Fasa pengurusan sebelum insiden yang melibatkan penyediaan Pelan Pra-Insiden (PIP) hendaklah diaplikasikan bagi membolehkan IC membangunkan Pelan Tindakan Insiden (IAP) semasa insiden.

10.3 IC bertanggungjawab membangunkan dengan segera IAP dan hendaklah seterusnya dikongsi kepada semua petugas di setiap peringkat

10.4 IC boleh melantik *Planning Section Chief* sekiranya perlu berdasarkan situasi dan kedudukan sumber insiden bagi tujuan menyediakan IAP

10.5 Dokumentasi IAP perlulah disediakan oleh *Planning Section Chief*.

10.6 Maklumat PIP hendaklah dikemaskini bagi memastikan penyediaan IAP yang lebih efektif dan efisien.

11. **PENGURUSAN MEDIA DAN INFORMASI**

11.1 Pengurusan media di lokasi kejadian hendaklah diadakan bagi membolehkan penyediaan laporan dan maklumat

lengkap kepada IC bagi tujuan hebahan kepada pihak media, agensi-agensi lain dan orang awam.

11.2 Kaedah pemakluman kepada media boleh dilaksanakan melalui sidang media, hebahan akhbar, temu ramah dan/ atau taklimat.

11.3 Hebahan melalui media sosial hendaklah diberi keutamaan kepada platform rasmi.

12. **PELAPORAN DAN DOKUMENTASI**

12.1 IC hendaklah memastikan semua data dan maklumat insiden didokumentasikan melalui sistem pelaporan yang telah ditetapkan.

13. **HUBUNGKAIT ICS JBPM DENGAN ARAHAN PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

Apabila sesuatu insiden telah berkembang menjadi tahap bencana, ICS yang telah distrukturkan oleh JBPM hendaklah diintegrasikan mengikut struktur pengurusan bencana dengan mengambil peranan dan tugas JBPM berdasarkan arahan berkaitan pengurusan bencana negara yang terkini.

14. **BUKU PANDUAN SISTEM PERINTAH DAN KAWALAN**

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 Sistem Perintah dan Kawalan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini hendaklah dibaca bersama **Buku Panduan Sistem Perintah dan Kawalan JBPM** yang terkini.

15. **PEMAKAIAN**

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah digunapakai dan dipatuhi oleh semua pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ketika menghadiri insiden kecemasan.

16. **PEMBATALAN**

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 ini secara langsung membatalkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 2019.

17. **TARIKH BERKUATKUASA**

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 Sistem Perintah dan Kawalan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN)


Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 26/7/2023

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PERINTAH DAN KAWALAN INSIDEN



CARTA ALIR PERINTAH DAN KAWALAN INSIDEN PENGEMBANGAN INSIDEN

